

16 NOV 1998

RUSUHAN BUKAN JALAN PENYELESAIAN, KATA MUHYIDDIN

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin menasihatkan belia supaya sentiasa mematuhi undang-undang dalam mencari penyelesaian kepada apa jua masalah dan bukannya dengan cara demonstrasi dan merusuh.

"Pembabitan mereka dalam sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang akan hanya merugikan diri sendiri dan negara," katanya ketika diminta mengulas kejadian rusuhan di Kampung Baru pada Sabtu lepas dan di Jalan Ampang semalam.

Dalam kejadian rusuhan Sabtu lepas, perusuh memukul beberapa anggota polis berpakaian preman dan membakar sebuah motosikal anggota polis yang mengawal lalu lintas di tempat itu.

Terdahulu Muhyiddin meninjau sesi latihan atlit paralimpik yang akan menyertai temasya Sukan Paralimpik Malaysia ke-9, di Kompleks Persatuan Orang Buta Malaysia di sini hari ini.

Temasya sukan itu dijadualkan berlangsung di ITM Shah Alam dari 22 hingga 27 Nov ini.

Turut hadir Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Fauzi Abdul Rahman yang juga presiden Majlis Paralimpik Malaysia.

Fauzi ketika diminta mengulas perkembangan tuntutan bayaran insentif ganti bonus oleh Cuepacs berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mengadakan pertemuan dengan Cuepacs selepas sidang kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) untuk membincangkan perkara berkenaan

Kerajaan telah memutuskan tidak membayar bonus kepada kakitangannya tahun ini kerana negara menghadapi masalah ekonomi.

-- BERNAMA

MS MAI